

## **BUDAYA BAHASA LISAN PARA PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS): SATU PEMERHATIAN**

**Norhasliza Ramli**

*norhasliza@kuis.edu.my*

**Norfazila Ab. Hamid**

*norhasliza@kuis.edu.my*

**Riduan Makhtar**

*riduan@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Manusia menzahirkan kemampuan berbahasa mereka melalui dua medium utama, iaitu menerusi bahasa lisan dan bahasa tulisan. Maka, fokus penulisan ini ialah untuk meninjau budaya bahasa Melayu lisan para pelajar KUIS yang acapkali didengar oleh pengkaji seputar waktu pejabat. Dalam pemerhatian secara langsung ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebilangan daripada pelajar di KUIS tidak berupaya menggunakan kata ganti nama diri yang betul ketika pembentangan berlangsung. Selain itu, pengkaji dapati juga para pelajar KUIS tidak tahu menggunakan cara panggilan sapaan yang betul ketika berurusan di kaunter pejabat di sekitar kampus KUIS. Di samping itu, kebanyakan pelajar selalu menggunakan bahasa rojak ketika pembentangan dan ketika berurusan dengan pensyarah. Permasalahan yang timbul ini didapati disebabkan oleh beberapa faktor dan penulis turut memberi saranan ke arah cara mengatasi untuk jangka masa panjang ataupun langkah segera yang perlu diambil untuk membendung permasalahan ini. Budaya bahasa Melayu lisan yang tidak mengikut norma yang sepatutnya dikhuatiri meninggalkan impak yang negatif ke atas kemahiran berbahasa secara lisan oleh pelajar dan menggugat kredibiliti bahasa Melayu itu sendiri.

**Kata Kunci:** *Budaya, bahasa lisan, pelajar KUIS, faktor-faktor; langkah-langkah*

### **PENDAHULUAN**

Manusia berbahasa secara umumnya ialah untuk berkomunikasi bagi menyampaikan maklumat atau maksud yang dihajatkan. Komunikasi bahasa manusia secara umumnya dapat dijalankan dalam dua bentuk, iaitu melalui bahasa lisan dan bahasa tulisan. Menurut Chomsky (1957), proses komunikasi berlaku apabila adanya penutur dan pendengar. Setiap penutur dan pendengar memiliki dua perkara penting, iaitu kemampuan (*Competence*) dan pengucapan (*Perfomance*). Kemampuan berada dalam otak dan diertikan sebagai satu sistem rumus-rumus yang mampu memproduksi kalimat-kalimat yang tidak terbatas banyaknya. Maksudnya, kemampuan merupakan pengetahuan penutur tentang bahasanya. Sementara pengucapan pula adalah unsur yang berada di luar dan dapat diertikan sebagai bunyi-bunyi yang dilafazkan. Bunyi-bunyi ini bermakna dan dapat difahami oleh pendengarnya.

Dalam pengajaran dan pembelajaran semua bahasa amnya, penguasaan bahasa lisan pelajar sepatutnya dititiberatkan daripada peringkat paling asas, iaitu bermula di rumah, kemudian, ketika pra-sekolah dan diikuti pada peringkat sekolah rendah dan kemudian diperteguh di peringkat sekolah menengah. Hal ini kerana ia merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh pelajar sebelum mempelajari kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan menulis. Jadi, apakah sebenarnya kemahiran lisan itu? Kamarudin Hj. Husin (1999) berpandangan bahawa lisan adalah percakapan atau pertuturan yang berbentuk satu kegiatan melahirkan bahasa melalui suara atau sebutan. Kita akan bercakap apabila kita belajar sesuatu bahasa. Kita akan mengucapkan sesuatu ketika kita membuat perhubungan atau berinteraksi dengan orang lain. Jadi, jelaslah bahawa tujuan menguasai kemahiran lisan itu bukanlah hanya setakat mempelajari bahasa itu tetapi yang lebih penting ialah mencapai tahap kompetensi dalam berkomunikasi. Kegagalan seseorang menguasai kemahiran lisan akan menimbulkan banyak masalah kepadanya terutama untuk memahami pertuturan orang lain. Pencapaian taraf penguasaan berbahasa yang rendah ini juga berkemungkinan menyulitkannya untuk dapat berkomunikasi secara berkesan. Dapat disimpulkan di sini bahawa penguasaan kemahiran lisan adalah penting dan menjadi penanda aras dalam penguasaan berbahasa pelajar secara keseluruhannya. Dalam hal ini, para guru di sekolah perlu menyediakan tapak awal yang kukuh di samping galakan daripada ibu bapa supaya para pelajar dapat menguasai kemahiran lisan ini.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Berdasarkan pemerhatian secara langsung penulis sebagai pensyarah di KUIS yang mengajar subjek bahasa Melayu selama lebih sedekad, penulis mendapati pelajar tidak menguasai kemahiran lisan yang sewajarnya dan penulis kategorikan penguasaan pelajar pada tahap memuaskan sahaja dan tidak dikategorikan sebagai cemerlang. Oleh itu, kertas kerja ini menyingkap tentang penguasaan bahasa lisan para pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dan ketika berbual secara tidak formal dengan pensyarah mahupun ketika konsultasi di bilik pensyarah secara rasmi. Di samping itu, pelajar juga cenderung mengamalkan bahasa rojak, dan menggunakan kata ganti nama diri yang salah ketika pembentangan berlangsung. Malah, yang agak memalukan juga ialah para pelajar tidak tahu menggunakan panggilan sapaan yang betul terhadap pensyarah mereka sendiri mahupun staf di kaunter pejabat di dalam fakulti mahupun pusat. Oleh itu, kajian ini timbul disebabkan beberapa persoalan yang melingkari benak pengkaji, iaitu :

1. Adakah para pelajar di KUIS mahir menggunakan bahasa Melayu lisan ?
2. Apakah faktor penyebab kepada kelemahan penguasaan bahasa Melayu lisan pelajar di KUIS ?
2. Adakah cara tertentu untuk menangani permasalahan penguasaan kemahiran bahasa Melayu lisan pelajar agar ia tidak menjadi budaya berterusan di KUIS?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Setelah melihat kepada permasalahan di atas, maka kajian ini didedahkan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

1. Menilai penguasaan kemahiran bahasa Melayu lisan para pelajar di KUIS.
2. Mencari faktor penyebab kepada kelemahan penguasaan bahasa Melayu lisan para pelajar di KUIS.
3. Memberi saranan penyelesaian secara langsung dan langkah penyelesaian jangka masa panjang untuk menangani masalah penguasaan bahasa Melayu lisan para pelajar di KUIS.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan secara pemerhatian secara langsung dengan menilai ayat yang diujarkan oleh para pelajar KUIS semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, khususnya ketika sesi pembentangan berlangsung dan ketika pensyarah berbicara dengan mereka di luar kelas. Pensyarah membuat kesimpulan hasil daripada ayat-ayat yang diujarkan oleh para pelajar dan mengaitkan dengan penguasaan bahasa lisan pelajar yang kurang memberangsangkan. Dalam bahasa yang lebih tepat lagi, dapatan ini terhasil semasa pengkaji melakukan proses pencerapan pensyarah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (p d p) di kelas. Proses pencerapan P d P ini dilakukan pada setiap semester dan pengkaji mendapati perkara yang sama juga berlaku di kelas kendalian tenaga pengajar bahasa Melayu yang lain. Oleh itu, secara rawak didapati penguasaan bahasa Melayu lisan pelajar KUIS berada pada tahap yang kurang memuaskan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Sebagai makluman, para pelajar KUIS diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Melayu 3 dan bahasa Melayu 4 yang diletakkan bawah komponen U2. Mata pelajaran Bahasa Melayu 3 dikhususkan untuk para pelajar peringkat Diploma sementara Bahasa Melayu 4 dikhususkan untuk para pelajar peringkat Ijazah. Walaupun semua pelajar ini mendapat keputusan yang cemerlang mahupun kepujian dalam peperiksaan SPM untuk subjek bahasa Melayu, tetapi ia bukanlah satu kayu ukur yang tepat untuk mengatakan bahawasanya para pelajar ini benar-benar menguasai bahasa Melayu lisan mereka dengan cemerlang. Hal ini dapat dibuktikan hasil daripada pengamatan dan pemerhatian pengkaji di dalam kelas semasa proses pencerapan p d p berlangsung. Sungguhpun demikian, data dan kesimpulan ini tidak melibatkan para pelajar antarabangsa yang belajar di KUIS. Data ini hanya melibatkan para pelajar warganegara sahaja. Berikut diperturunkan budaya berbahasa Melayu lisan para pelajar di KUIS yang acapkali berlaku pada setiap semester berdasarkan pemerhatian langsung pengkaji:

1. ***Kecelaruhan penggunaan ganti nama diri.***

Masalah ini seringkali didapati berlaku ketika para pelajar sedang melakukan tugas pembentangan. Ahli-ahli akademik sedia maklum bahawa pembentangan ialah satu daripada kaedah untuk menguji penguasaan kemahiran bahasa lisan pelajar. Oleh itu, berdasarkan masalah yang dihadapi oleh para pelajar dalam perbincangan ini ialah masalah dalam menggunakan kata ganti nama diri yang betul dan sesuai. Sewajarnya

diterangkan sedikit, apa itu kata ganti nama diri? Menurut Nik Safiah Karim et al (2013) dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, kata ganti nama ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas dan kata nama am. Kata ganti nama boleh dibahagikan kepada dua golongan kecil, iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri. Kata ganti nama tunjuk boleh dibahagikan pula kepada kata ganti nama tunjuk umum dan kata ganti nama tunjuk tempat. Bagi kata ganti nama diri pula boleh dibahagikan kepada kata ganti nama orang dan kata ganti nama diri tanya. Kata ganti nama diri orang pula terbahagi kepada kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua dan kata ganti nama diri orang ketiga.

Pengkaji ditugaskan untuk melakukan pencerapan pengajaran dan pembelajaran (p d p) ke atas tiga orang pensyarah di jabatan atau secara spesifiknya untuk pensyarah di Unit bahasa Melayu sahaja. Pengkaji menjalankan pencerapan p d p untuk mata pelajaran Bahasa Melayu 3, iaitu subjek wajib di bawah kelompok U1 yang perlu diambil oleh para pelajar warganegara peringkat Diploma di KUIS sebagai satu daripada syarat wajib lulus dan bergraduasi. Dalam silibus mata pelajaran ini, tugas pembentangan di dalam kuliah ini membawa markah sebanyak 10 peratus. Pembentangan ini dilakukan secara berkumpulan. Setiap kumpulan diberi satu topik untuk dibentangkan. Topik tersebut merangkumi topik yang berkaitan dengan silibus pelajar bagi kursus ini. Pengkaji dapati semasa sesi pembentangan, kedapatan ahli bagi semua kumpulan biasa menggunakan perkataan 'korang dan diorang', tanpa segan silu atau rasa bersalah, padahal perkataan tersebut sememangnya salah dari sudut tatabahasa dan tidak sepatutnya digunakan dalam kelas bahasa Melayu. Apatah lagi, ketika sesi pembentangan berlaku. Pembentangan ini jelas menguji keupayaan penguasaan bahasa lisan pelajar secara langsung di hadapan semua rakan-rakan sekelas dan pensyarah. Kesalahan sebegini sudah tentu akan ditolak markah dalam kumpulan mereka, iaitu dari sudut bahasa. Dalam bahasa Melayu standard, ada perkataan yang sepatutnya bagi menggantikan ganti nama diri yang 'popular' itu, iaitu 'korang'. Dari sudut ilmu panggilan sapaan, oleh sebab pembentang mengenali rakan sekelas dan mempunyai hubungan yang akrab, maka rujukan khusus bagi kata ganti nama diri yang betul yang perlu digunakan ialah saudara/saudari atau sapaan berbentuk jamak seperti kalian. Pengkaji menggunakan istilah 'popular' kerana perkara yang sama turut terjadi di dalam kelas kendalian pengkaji sendiri ketika pembentangan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu 4. Mata pelajaran ini pula disediakan untuk para pelajar warganegara peringkat Ijazah di KUIS di bawah kelompok U2 juga. Sama halnya juga dengan perkataan popular 'diorang'. Pelajar sepatutnya menggunakan rujukan ganti nama yang betul, iaitu 'mereka' dalam bahasa Melayu standard ketika pembentangan. Hal ini kerana pembentangan adalah medium pengujian bahasa lisan yang rasmi sifatnya. Abdullah Hassan (1992) menggariskan beberapa ciri yang harus dipatuhi dalam sesebuah situasi yang dianggap rasmi, iaitu tempat yang rasmi, kehadiran yang rasmi, tujuan yang rasmi dan sebagainya. Maka, segala bentuk perlakuan kebahasaan yang tidak bersifat rasmi perlu dihindarkan.

2. ***Penggunaan bahasa rojak yang berleluasa ketika pembentangan.***

Situasi ini juga merupakan perkara yang paling dominan dilakukan oleh pelajar pada setiap semester ketika pembentangan berlangsung. Pada pandangan pengkaji, bahasa rojak ialah simptom penyakit bahasa yang mencampur adukkan bahasa ketika bertutur. Kadangkala berbahasa Melayu, kadangkala berbahasa Inggeris. Jika berdasarkan pengertian yang lebih ilmiah oleh ahli bahasa, bahasa rojak dalam bidang bahasa lebih dikenali sebagai percampuran kod yang membawa maksud penggunaan berbagai-bagai unit linguistik, seperti imbuhan, kata, frasa dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat dan memerlukan minimum dua bahasa yang peraturannya diintegrasikan dalam satu ayat (Bokamba,1988: 24).

Hal ini menunjukkan kemahiran bahasa lisan para pelajar yang dipupuk dari sekolah rendah dan menengah agak lemah dan longgar. Perkara ini berterusan berlaku apabila mereka menjejak kaki ke institut pengajian tinggi. Pengkaji dapati keadaan ini tidak dapat dibendung kerana dari dahulu lagi mereka memang sudah terbiasa menggunakan bahasa rojak dalam percakapan seharian, langsung terbawa-bawa ketika pembentangan. Yang pasti, markah para pelajar akan ditolak kerana menggunakan bahasa rojak di dalam kelas pengajaran bahasa Melayu. Walaupun pensyarah sudah mengingatkan atau memberi panduan perkara yang boleh atau yang tidak boleh dilakukan semasa sesi pembentangan atau memberi panduan kepada para pelajar sebelum sesi pembentangan, kesalahan masih juga berlaku dan pelajar sendiri kadangkala tidak sedar yang mereka telah melakukannya. Situasi parah inilah yang sering berlaku dalam kelas bahasa Melayu.

3. ***Kecelaruan panggilan sapaan di kaunter pejabat.***

Hal ini juga adalah masalah yang paling kerap didengar di telinga pengkaji. Pengkaji kerap terserempak atau mendengar sendiri ayat atau perkataan yang digunakan oleh pelajar semasa mereka berurusan di kaunter pejabat fakulti/pusat di KUIS. Misalnya, jika di kaunter pejabat, pengkaji sering mendengar pelajar menyebut panggilan 'abang' dan 'kakak' sebagai sapaan. Panggilan ini sama sekali tidak boleh dituturkan oleh para pelajar di kaunter, khususnya pada waktu 8 pagi hingga 5 petang kerana masih dalam waktu pejabat. Pengkaji dapati ini memberi imej yang buruk kepada bahasa dan peribadi penutur dan orang yang dilawan bertutur itu. Mengapa? Hal ini ada kaitannya dengan adab sopan dalam berbahasa pelajar. Pelajar perlu sedar, pelbagai kemungkinan status orang yang ada di pejabat pada ketika itu. Pelajar kadangkala tidak kenal yang mana satu kakitangan akademik dan yang mana satu kakitangan pentadbiran di pejabat. Pensyarah juga ada kalanya dipanggil *kakak* atau *abang* di pejabat. Situasi ini pernah terjadi. Pelajar mungkin tidak sedar bahawa mereka telah melakukan kesilapan dalam berbahasa, atau mungkin pelajar tidak tahu cara panggilan sapaan hormat yang betul dan sepatutnya ketika berurusan waktu pejabat. Dalam erti kata lain, pelajar kurang ilmu. Bagi orang yang dilawan bertutur juga, sudah pasti panggilan itu akan merendahkan imej mereka sebagai pekerja yang mempunyai kedudukan strata sosial yang berbeza berbanding

pelajar kerana pekerja di kaunter ialah orang yang mempunyai jawatan walaupun beliau hanya kerani di pejabat! Sementara pelajar masih seorang mahasiswa. Tegasnya, dalam situasi sebegini penggunaan kata ganti nama diri seperti *kakak*, *adik* dan *abang* di kaunter pejabat atau panggilan mesra yang lainnya sepatutnya tidak boleh digunakan langsung kerana dianggap tidak santun, tidak berbudi bahasa, dan biadab terhadap orang yang disapa dalam situasi rasmi lisan. Pernah suatu ketika diceritakan oleh mantan Rektor KUIS terdahulu, beliau sendiri pernah disapa sebagai *pakcik* oleh pelajar KUIS pada ketika itu. Situasi ini tentu sahaja memalukan dan menjatuhkan imej orang yang disapa itu. Tuntasnya, yang boleh menggunakan kata sapaan seperti *kakak*, *abang* dan lain-lain sapaan mesra itu, hanya sekiranya orang tersebut dengan penyapa mempunyai hubungan kekerabatan, mesra, dikenali, dan dalam situasi tidak rasmi. Selain itu, mesti menggunakan panggilan sapaan yang hormat. Sapaan hormat yang dianjurkan untuk menyapa kakitangan di pejabat ialah *Encik* dan *Puan* walaupun mungkin pelajar tidak tahu kakitangan perempuan itu sudah berkahwin atau tidak, tetapi untuk panggilan rasmi waktu pejabat wajib pelajar memanggil beliau dengan gelaran *Puan*.

Dari sudut pandangan bidang sociolinguistik, mandala di atas dianggap sebagai bentuk situasi rasmi lisan yang melibatkan komunikasi verbal dalam situasi yang dianggap rasmi. Lebih jelas lagi, Noriah Mohamed (1998) ada menyebut bahawa hubungan kakitangan pejabat dengan orang ramai dikategorikan sebagai hubungan rasmi. Oleh hal yang demikian, wajar kakitangan atau pegawai menyapa pelanggan dengan kata ganti nama diri kelainan bukan diraja standard seperti tuan, puan, cik, saudara, saudari, dan sebagainya. Begitu juga sebaliknya. Menurut Noriah Mohamed lagi, seandainya gelaran orang tersebut diketahui maka gelaran tersebut boleh digunakan. Dalam hubungan lisan, berbeza dengan situasi rasmi tulisan, misalnya gelaran kurniaan Dato, Datuk, Datin, Tan Sri, Puan Sri, Yang Berhormat dan sebagainya boleh digunakan tanpa nama peribadi.

4. ***Kesalahan panggilan gelaran akademik kepada pensyarah.***

Situasi ini juga kerap kali disaksikan dan didengari sendiri di telinga pengkaji. Para pelajar didapati tidak tahu untuk menyapa tenaga pengajar dengan panggilan akademik yang sewajarnya, sama ada mahu memanggil Puan, Ustaz, Ustazah, Dr., Prof. dan sebagainya. Ada kes, walaupun pensyarah (nama dirahsiakan) mempunyai Ijazah Doktor Falsafah, para pelajar tetap memanggilnya *Puan* walaupun sudah dimaklumkan akan status panggilan beliau sebelum ini kepada pelajar.

Selain itu, situasi di atas dalam konteks sociolinguistik, dipanggil sebagai peristiwa bahasa, iaitu penggunaan bahasa dipengaruhi satu atau lebih daripada komponen sosial, (dalam Noriah Mohamed: 22), iaitu pemeran (siapa yang bertutur dan siapa lawan bertutur?), latar belakang tempat (di mana?), topik (apa yang diperkatakan?) dan fungsi (mengapa mereka bertutur?). Kesemua komponen sosial ini menjadi penentu kepada penggunaan kata sapaan yang tepat dan bersesuaian dengan situasi rasmi mahupun tidak rasmi. Ingin ditegaskan bahawa penggunaan bahasa yang melibatkan

pangilan sapaan perlu mempertimbangkan faktor kekuasaan orang yang ingin disapa (berpangkat atau tidak), faktor setia kawan (akrab atau tidak) dan konteks rasmi mahupun sebaliknya.

5. ***Penggunaan bahasa rojak.***

Satu perkara lagi yang ketara menjadi budaya lisan pelajar di KUIS ialah penggunaan bahasa rojak yang berleluasa ketika pembentangan mahupun sewaktu perbincangan bersama pensyarah di dalam kuliah. Dalam erti kata mudah, bahasa rojak ini ialah gejala bahasa yang mencampur-adukkan bahasa atau percampuran kod bahasa, misalnya sebentar bercakap bahasa Melayu, sebentar menggunakan perkataan atau frasa bahasa Inggeris ketika bertutur. Keadaan bahasa yang caca-marba ini pernah digelar satu ketika dahulu oleh Datuk Seri Dr. Rais Yatim sebagai bahasa sekerat belut, sekerat ular. Maknanya apa? Bahasa yang tiada identiti. Gejala bahasa rojak inilah yang turut membelenggu para pelajar di KUIS. Selalu kedengaran pelajar menyebut pada bahagian introduksi diri ketika pembentangan bermula menggunakan ayat seperti “Pada hari ini, kumpulan kami nak *present* tajuk...”, Pada hari ini kumpulan kami nak *share* mengenai topik...”, kemudian apabila si pembentang mahu berpindah ke slaid berikutnya, pelajar akan menggunakan istilah *next*, kemudian apabila pelajar ingin membuat kesimpulan, maka perkataan yang sering dituturkan ialah *so*, dan apabila hendak mengakhiri pembentangan, di slaid akan tertera perkataan *thank you*, walhal pelajar sedang menjalankan tugas pembentangan untuk subjek bahasa Melayu! Bayangkan, beginilah bahasa lisan para pelajar KUIS secara rasmi di dalam kelas. Sebenarnya ada banyak lagi contoh bahasa rojak pelajar, namun pengkaji cuma menyenaraikan beberapa perkataan atau frasa yang popular dan dominan sahaja. Dalam jangka masa panjang, penggunaan bahasa rojak akan beransur-ansur menghakis kekuatan bahasa Melayu. Kenyataan ini memang tidak harus dipandang remeh. Penggunaan bahasa rojak bukan sahaja sudah semakin sebatu dalam kalangan masyarakat Malaysia, baik di peringkat bawahan sehinggalah ke peringkat nasional, bahkan bagai api dalam sekam yang membakar senyap sehingga merosakkan kekuatan bahasa Melayu itu sendiri.

## **FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB KELEMAHAN BAHASA LISAN PELAJAR**

1. ***Kurang ketegasan dan dorongan daripada ibu bapa, pihak sekolah dan pensyarah.***

Dalam hal ini, pengkaji berkata sedemikian kerana persoalan pelajar menguasai atau tidaknya bahasa lisan, ia ada kaitannya dengan tanggungjawab asas ibu dan bapa yang sepatutnya memantau, mengambil tahu dan mendorong pertuturan yang betul ketika anak-anak di rumah. Kemudian barulah beralih ke pundak guru-guru di sekolah. Betulkan sebutan anak-anak yang salah ketika itu juga supaya anak-anak tahu akan kesilapannya dan tidak mengulangi lagi kesalahan tersebut. Situasi ini juga tidak dapat tidak pengkaji terpaksa kaitkan juga dengan kurangnya peranan guru-guru bahasa Melayu di peringkat rendah atau sekolah. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1999), untuk meningkatkan keupayaan pelajar berinteraksi, guru bertanggungjawab menggalakkan

pelajar berkomunikasi di dalam kelas. Hal ini perlu dilakukan kerana masih ramai pelajar yang kurang mampu bercakap dan menggunakan bahasa dalam bentuk yang sempurna. Kelemahan pelajar berbahasa ditakuti akan menyebabkan mereka berasa tidak yakin kepada diri sendiri dan menyisihkan diri daripada rakan-rakan dan guru. Hal ini tentu sahaja akan menjejaskan prestasi mereka, bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa lisan malah memberi kesan kepada mata pelajaran lain juga. Hal ini bermakna, sekiranya pelajar berjaya menguasai kemahiran bahasa lisan yang memuaskan, para pelajar boleh menyusun idea-idea dengan lebih baik sekaligus memperlihatkan pelajar mempraktikkan komunikasi yang sempurna dan berkesan. Begitu juga halnya dengan para pensyarah di IPT, perlu menegur secara terus dan berhikmah akan kesalahan sebutan atau panggilan sapaan hormat oleh pelajar tersebut. Barulah pelajar akan menyedari dan pengkaji percaya lama-kelamaan mereka akan terbiasa dengan budaya sebutan dan panggilan yang betul dan tahu membedakan situasi di mana mereka berada untuk berbahasa.

2. ***Sikap dan jati diri penutur itu sendiri.***

Para pelajar sendiri bersikap acuh tak acuh dengan bahasa ibunda mereka yang telah diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Perasaan tidak sayang akan bahasa sendiri kurang menyubur dalam jiwa mereka. Pelajar lebih suka bertutur dalam bahasa Inggeris, dan bagi yang kurang mahir bahasa Inggeris tetapi mahu menampakkan yang mereka tahu berbahasa Inggeris dan mahu kelihatan ada kelas tatakala bertutur dalam bahasa Inggeris, maka pelajar sanggup merojakkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Darjat mereka lebih tinggi dirasakan sekiranya bertutur dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa ibunda sungguhpun mereka menghuni di alam Melayu. Apatah lagi jika kursus atau program pengajian yang sedang ditekuni mereka itu berkiblatkan bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris. Oleh kerana itu, lidah mereka akan selalu tersasul mencampur-adukkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ketika bertutur. Perkara ini juga menjadi penyumbang kepada faktor mengapa pelajar semakin berleluasa menggunakan bahasa rojak di IPT.

3. ***Penutur kurang mahir dengan perbendaharan kata asing.***

Penukaran kod ini sudah menjadi budaya yang tanpa disedari telah merosakkan identiti bangsa dan negara sedangkan bahasa Melayu itu begitu tinggi martabatnya di negara ini. Antara sebab berlakunya gejala ini termasuklah penutur berkenaan kurang mahir dengan kosa kata asing yang digunakan dan kata pinjaman yang berasal daripada bahasa lain untuk menerangkan sesuatu konsep atau objek tidak terdapat dalam bahasa tersebut (Holmes, 1992). Oleh hal yang demikian, penutur lebih cenderung menggunakan bahasa rojak untuk memberikan gambaran yang jelas tentang sesuatu perkara dan turut diikuti oleh penutur yang lain.

Hal ini turut diakui oleh Dato' Prof. Emeritus Dr. Hajah Asmah Haji Omar (1982) yang menyatakan bahawa fenomena penukaran kod ini sering berlaku kepada masyarakat yang bertutur dalam dua bahasa. Sebagai contoh, masyarakat Melayu memiliki bahasa



ibunda, iaitu bahasa Melayu dan turut menerima pendidikan formal dalam bahasa Inggeris sejak kecil lagi.

Secara tidak langsung, penutur mampu menguasai kedua-dua bahasa secara serentak dan fenomena penukaran kod ini mudah untuk berlaku sama ada dalam keadaan sedar ataupun tidak. Hal tersebut merupakan perkara yang tidak sepatutnya berlaku terutamanya dalam membentuk penggunaan bahasa yang lebih murni. Sebagai warganegara, kita seharusnya lebih peka akan isu ini dan berusaha untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan tidak bercampur aduk.

4. ***Pengaruh media-massa.***

Media massa juga banyak memberi kesan negatif ke atas ketulenan dan keaslian bahasa Melayu. Pengkaji berpendapat demikian kerana siaran di televisyen misalnya, banyak menayangkan dialog-dialog dalam filem dan drama-drama tempatan yang menggunakan bahasa rojak yang akhirnya menjadi punca peniruan oleh para pelajar sekolah. Perkara ini akhirnya terbawa-bawa di luar rumah dan di sekolah pelajar seronok mempraktikkan bahasa rojak dalam perbualan harian mahupun ketika di kelas. Kebiasaan ini akhirnya diteruskan apabila pelajar melanjutkan pengajian ke IPT. Kemahiran bahasa lisan pelajar kurang memuaskan malah semakin teruk.

## **LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGATASI**

1. ***Kesedaran semua pihak.***

Kepentingan aspek kemahiran bahasa lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa perlu membuka mata semua pihak. Sejumlah peruntukan perlu diberi untuk meningkatkan kemahiran ini dalam setiap peringkat pembelajaran sama ada peringkat rendah, menengah mahupun di IPT. Misalnya, program-program akademik berkala seperti berpidato, berpantun, syarahan, berdebat, dan pelbagai lagi aktiviti kebahasaan perlu terus-terusan mendapat sokongan daripada ibu bapa, guru-guru, pensyarah, pihak atasan dan juga para pemimpin negara. Alangkah malunya, jika seorang pemimpin bercakap, tetapi banyak menggunakan bahasa rojak di hadapan rakyat. Begitulah gambaran cacam-banya bahasa Melayu!

2. ***Teguran***

Guru-guru, pensyarah, dan ibu bapa perlu memberi teguran secara langsung apabila mendengar anak-anak atau pelajar menggunakan bahasa lisan yang menyalahi norma kebahasaan. Teguran yang membina ini kebiasaannya akan diingati oleh pelajar. Pelajar cuba untuk tidak akan mengulangi kesilapan dalam pertuturan. Selain itu, perlu diterangkan penolakan markah bahasa sekiranya menggunakan bahasa rojak ketika pembentangan. Perkara ini perlu penegasan daripada tenaga pengajar di semua peringkat.

## **PENUTUP**

Secara kesimpulannya, budaya pertuturan atau bahasa lisan para pelajar KUIS berada pada tahap yang agak membimbangkan. Hal ini kerana, jika tidak dibendung dengan segera, aset negara ini

dikhuatiri akan mewarisi bahasa rojak dan dilihat kurang ilmu, dan kurang adab ketika berbahasa, lebih-lebih lagi apabila meneraju pimpinan negara kelak. Ia sudah tentu memberi imej buruk kepada kualiti akademik dan warga Malaysia secara keseluruhannya. Di mana bumi dipijak, di situ bahasa dijunjung. Oleh itu, daulatkanlah bahasa Melayu di bumi Malaysia ini, bermula dengan kefasihan penggunaan bahasa Melayu lisan yang berkualiti tinggi. Akhir kata, berkualiti bahasamu, berkualiti peribadimu, gemilang negaramu!

## **RUJUKAN**

- Abdullah Hassan. 1992. *Bahasa Melayu STPM Kertas 1 dan 2*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Asmah Haji Omar. 1982. *Language and society in Malaysia*, 2nd edn. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bokamba. E. G. 1988. *Code-Mixing, Language Variation And Linguistic Theory Lingua*. Jurnal Pendidikan.
- Chomsky, Noam. 1957. *Syntactic Structure* : The Hague : Mouton.
- Holmes, J. 1992. *An Intoduction to Sociolinguistics*. London: Longman.
- Kamarudin Hj. Husin. 1999. *Pengajaran Lisan : Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin. 2003. *Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim et al. 2013. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. 1998. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pelita Bahasa. Julai 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.